

Amalan penghayatan akidah dalam kalangan murid Islam Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

Muhammad Fikri Bin Norddin

¹Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, 81310, Skudai,Johor,Malaysia

^aAjmain@Jimaain Safar

Katakunci: *Amalan, Penghayatan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.*

Keywords: *Appreciation, Practice of Religion, Primary Chinese School.*

Abstrak. Islam adalah agama yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada Rasulullah S.A.W bertujuan menyusun atur perjalanan kehidupan manusia. Islam itu sendiri bertindak dalam kehidupan meliputi kesemua aspek dan perlu dihayati bagi mencapai kemuliaan, kecemerlangan, dan kegemilangan hidup sama ada di dunia dan juga di akhirat. Justeru, bagi mencapai sebuah kehidupan yang berjaya, penghayatan terhadap agama perlu diambil kira dan dititikberatkan. Tidak ketinggalan juga pendidikan agama perlu diberikan kepada setiap individu Muslim meliputi pelbagai peringkat sekolah termasuk juga Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Sebagai agama yang menjadi pegangan dalam kehidupan, maka pelbagai bentuk amalan perlu dihayati oleh murid tersebut. Justeru, kertas kerja ini berfokus kepada amalan penghayatan yang diamalkan oleh murid beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dalam bidang Akidah. Kertas kerja ini merupakan sebuah kajian kualitatif sepenuhnya yang menggunakan perisian N’Vivo 11 bagi menganalisis dapatan kajian yang telah dijalankan.

Abstract. Islam is a religion that was revealed by the God of Allah S.W.T to the Prophet Muhammad S.A.W which was aimed to organize and regulate in the human life. Islam is the way of life that covered all aspects of life so that human will be lived to the glory, splendor, and successfull in this world and in the hereafter. To achieve a successful life in this world and the hereafter, the appreciation of religion should be emphasized. Religious education continued to be provided by each individual Muslims, including at Primary Chinese School. As a religion that had been practiced all the time, various forms of practice should be appreciated by the pupils. On top of that, this paper will focussing about the practices adopted by the appreciation of Muslim Pupils at the Primary Chinese School in the field of *Aqidah*. This paper is an entirely qualitative and using the N’Vivo 11 software to analyze the findings of the research conducted.

1.0 PENGENALAN

Pendidikan Islam itu sendiri terdiri daripada pelbagai bidang untuk dipelajari dan dihayati dan salah satu daripada bidang tersebut adalah bidang Akidah. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2013), perkataan akidah berasal dari perkataan bahasa Arab, iaitu pada dasarnya adalah “*aqada*” yang membawa maksud ikatan, pegangan atau simpulan. Manakala menurut pengertian istilah pula Akidah membawa maksud kepercayaan yang terikat dan tersimpul kuat dalam jiwa dan sanubari setiap insan. Sementara itu, Akidah menurut “*syara*” pula bermaksud kepercayaan atau keimanan yang jitu terhadap hakikat atau nilai yang mutlak, tetap dan kekal, pasti dan hakiki, serta kudus dan suci seperti yang telah digariskan dan diwajibkan oleh “ *syara* ”, iaitu kepercayaan kepada Allah S.W.T, Rukun Iman, Rukun Islam dan perkara-perkara Ghaibiyat (Ramli, 2013).

Melalui penghayatan berteraskan akidah, agama Islam itu sendiri bertindak menjadi sebuah cara gaya hidup yang berteraskan kepada konsep akidah yang begitu meluas dan menyentuh pelbagai aspek kehidupan terutamanya dalam aspek ketuhanan (Mansor, 2007). Melalui pengamalan akidah yang sejahtera dapat melahirkan individu yang mampu memiliki kehidupan mempunyai kehidupan yang bahagia dan tenang (Hamzah, 2000). Menurut Atailah (2007), seseorang itu akan mencapai tahap ketenangan dan kebahagiaan yang maksimum apabila menyerahkan seluruh kehidupannya kepada Allah S.W.T serta bersabar dan redha dengan ketentuan Allah S.W.T terhadapnya.

Bagi kurikulum Pendidikan Islam dalam bidang Akidah, tumpuan utama diberikan kepada pembentukan akidah dalam diri murid meliputi sikap dan tanggungjawab terhadap Allah S.W.T, kepercayaan yang mendalam kepada Allah, mengetahui akan sifat Allah, nama Allah, dan juga pemahaman Akidah yang sahih merangkumi perkara-perkara seperti Rukun Iman dan Rukun Islam. Implikasinya yang dapat dilihat adalah murid di sekolah dapat mengaplikasi tuntutan akidah dalam kehidupan seharian iaitu dengan sentiasa berpegang teguh dan menyembah hanya kepada Allah tuhan yang Esa yang mencipta sekalian alam. (Kurikulum Standard Pendidikan Islam Sekolah Rendah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KSSRKPM, 2011). Hal ini disebut di dalam al-Quran, sebagaimana firman-Nya:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ وَلَمْ يَكُن لَّهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝

Maksudnya: 1. Katakanlah (Wahai Muhammad:” (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa. 2.”Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohonsebarang hajat.3. “Ia tiada beranak, dan ia pula tidak diperanakkan.4.”Dan tidak ada sesiapaupun yang serupa dengan-Nya”.

(Surah *Al-Ikhl*as, 1-4:112)

Ayat di atas mendidik manusia supaya mengaku keesaan dan kekuasaan Allah S.W.T. Selain itu matlamat pendidikan akidah juga bertujuan dalam melahirkan manusia yang patuh dan tunduk kepada Allah S.W.T. Pendidikan akidah juga penting untuk mendidik manusia supaya patuh dan tunduk kepada kebesaran dan keagungan Allah S.W.T.

Jadual 1.1: Bilangan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Negeri Johor

BIL	DAERAH	BILANGAN SEKOLAH
1.	Mersing	4
2.	Kota Tinggi	10
3.	Kluang	21
4.	Johor Bahru	17
5.	Segamat	20
6.	Kulai	14
7.	Pasir Gudang	11
8.	Tangkak	10
9.	Muar	59
10.	Pontian	25
11.	Batu Pahat	37
JUMLAH		228

Sumber dari Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor: Statistik Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2018

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri telah mengeluarkan garis panduan yang lengkap mengenai penghayatan akidah yang perlu dihayati dalam kalangan murid beragama Islam di semua sekolah termasuklah di SJKC. Hal ini selari dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia menekankan bidang akidah sebagai salah satu bidang utama dalam Pendidikan Islam yang perlu dipelajari di sekolah. Menurut Muhammad Ismail (2004), Pendidikan Islam KSSR bertumpu kepada beberapa perkara asas terhadap akidah meliputi aspek mengenali Tuhan, mengenali para Malaikat dan Rasul serta menghayati nilai akidah dalam kehidupan sebagai murid beragama Islam di sekolah rendah. **Pendidikan Islam bagi KSSR dalam bidang akidah adalah bertepatan dengan matlamat dan objektif pendidikan Akidah** itu sendiri iaitu mendidik manusia supaya mengakui keEsaan dan ketunggalan Allah S.W.T sebagai Tuhan yang layak disembah dan tiada sekutu bagi-Nya. (Kurikulum Standard Pendidikan Islam Sekolah Rendah Tahun 5, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Oleh yang demikian, kajian ini lebih tertumpu kepada bentuk amalan yang dihayati dan diamalkan dalam kehidupan murid beragama Islam yang bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Johor Bahru. Amalan penghayatan yang dikaji adalah melibatkan bidang akidah yang dipelajari, difahami dan diamalkan dalam kehidupan murid beragama Islam di SJKC yang menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim.

3.0 KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian lepas mengenai pendidikan serta penghayatan akidah. Antara kajian lepas tersebut adalah permasalahan penghayatan akidah dalam kalangan pelajar yang dibincangkan oleh Yahya (2004) yang melihat penglibatan golongan remaja dalam aktiviti *black metal* boleh merosakkan akidah. Gejala *black metal* sering dikaitkan dengan aliran muzik liar, brutal dan songsang serta mengandungi pemujaan syaitan yang berupaya memesongkan akidah dan menjerumuskan golongan remaja ke lembah keruntuhan akhlak yang serius (Hazman 2011; Ridhuan Tee 2009; Yahya 2004; Wan Noor Afizaton 2003). Kumpulan ini sering melakukan aktiviti yang memperlecehkan akidah Islam seperti

menghina Rasulullah S.A.W. (Hazman 2011) serta memijak dan membakar al-Quran al-Karim (Yahya 2004; Wan Noor Afizatul 2003). Selain itu, ahli kumpulan *black metal* juga sering dikatakan terlibat dengan kegiatan negatif lain seperti melakukan hubungan seks bebas, meminum arak, menghisap dadah, penyalahgunaan pil khayal serta mengamalkan cara hidup yang bertentangan dengan norma masyarakat (Yahya 2004 ; Wan Noor Afizatul 2003). Kemerosotan akhlak dalam kalangan remaja ini hanya boleh diatasi melalui kekuatan akidah dan hubungan yang berterusan dengan Allah Taala (al-Qaradawi 2005; Hamka 2000). Kekuatan akidah merupakan satu daripada empat kekuatan asas yang harus dikuasai oleh remaja bagi membersihkan emosi, fikiran dan perlakuan daripada melakukan aktiviti yang bertentangan dengan kehendak Islam dan tidak bermanfaat. Menurut Mohd Arip (2000) pengetahuan tentang kesyumulan agama Islam terutamanya akidah Islam dapat membantu mereka yang mengalami kerisauan atau *anxiety* daripada terus berhadapan dengan situasi yang mengganggu jiwa mereka. Kajian lain yang dijalankan dalam mengenalpasti tahap penghayatan akidah golongan remaja maka satu instrumen untuk mengukur penghayatan akidah remaja telah dibina dan diuji kepada golongan ini. Kajian Munawar (2009) telah membangunkan satu inventori Pengetahuan Akidah yang mengukur tahap pengetahuan pelajar terhadap akidah Islam dan hubungannya dengan akhlak pelajar sekolah menengah di Malaysia. Manakala kajian seterusnya melalui Azma (2006) pula telah membangunkan Skala Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar yang bertujuan mengukur tahap penghayatan pendidikan Islam pelajar sekolah menengah di Malaysia. Inventori Pengetahuan Akidah oleh Munawar (2009) hanya mengukur tahap pengetahuan akidah pelajar, manakala Skala Penghayatan Pendidikan Islam oleh Azma (2006) pula mengukur tahap penghayatan Pendidikan Islam pelajar. Kajian-kajian yang dijalankan oleh pengkaji bertujuan untuk mengenalpasti tahap penghayatan akidah pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. Bagi tujuan pengubahsuaian item pengkaji merujuk kepada Al-Ghazali (2005), Sayyid (2003) dan Naim (1983). Instrumen kajian lepas yang dijalankan ini melibatkan tiga domain utama penghayatan akidah iaitu kefahaman, perasaan dan amalan. Namun begitu, kebanyakan kajian yang telah dijalankan hanya bertumpu kepada penghayatan akidah yang berlaku di peringkat remaja mahupun pelajar sekolah menengah. Namun begitu sebuah kajian khusus mengenai amalan penghayatan Pendidikan Islam dalam kalangan murid-murid Islam di SJKC masih belum dikaji dan memerlukan kepada kajian yang terperinci dan mendalam bagi menilai sendiri amalan penghayatan akidah murid Islam di SJKC.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Melihat sejauhmana amalan penghayatan Pendidikan Islam terhadap bidang Akidah dalam kalangan murid beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian berbentuk kualitatif sepenuhnya dengan menggunakan temubual secara berstruktur dan analisis dapatan temu bual yang diperolehi diperincikan menggunakan perisian *N’Vivo 11* dalam menganalisis dapatan data kajian yang diperolehi.kajian.Kajian ini melibatkan 9 orang murid darjah 5 yang beragama Islam di 3 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di dalam Daerah Johor Bahru dan disokong dengan tenu bual 3 orang guru beragama Islam di setiap SJKC sebagai data sokongan. Senarai semak temu bual telah dibuat bagi tujuan memudahkan temu bual dijalankan secara berstruktur bersama responden yang terlibat.Setiap temubual direkod menggunakan perakam suara dan disalin semula hasil perbualan bagi tujuan pengekodan dan pembahagian sub-tema yang bersesuaian dengan kajian yang dijalankan. Instrumen temubual yang dijalankan juga merujuk kepada tiga orang semakan pakar yang terdiri daripada pensyarah Universiti Teknologi Malaysia sendiri dan juga daripada Bahagian Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Tujuan pengesahan pakar adalah bagi mendapatkan kesahan dalam kajian yang dibuat menggunakan skala Cohen Kappa. Setiap responden dikodkan dengan mengikut nombor murid dan sekolah yang dijalankan kajian iaitu M1S1, M2 S1,M3S1,M1S2,M2S2,M3S2,M1S3,M2S3 dan M3S3. Begitu juga responden guru dikodkan dengan mengikut nombor guru dan sekolah yang dijalankan ialaitu GPIS1, GPIS2 dan GPIS3. Bagi analisis temu bual dikodkan TB dan diikuti dengan tahun temu bual iaitu 2016, pemerhatian dikodkan sebagai OS mengikut sekolah sebagai OS1, OS2 dan OS3 diikuti dengan tahun temu bual iaitu 2016, begitu juga bagi analisis dokumen dikodkan sebagai AD mengikut sekolah iaitu ADS1, ADS2 dan ADS3 diikuti dengan tahun temu bual iaitu 2016.

6.0 DAPATAN KAJIAN

Jadual 1.2:Amalan Penghayatan Bidang Ulum Syariah (Akidah)				
TEMA/ ITEM		S1	S2	S3
1.	Percaya kepada Allah	X	X	X
2.	Tahu sifat-sifat Allah	X	X	X
3.	Tahu bukti kewujudan Allah	X	X	X
4.	Patuh kepada perintah Allah	X	X	X
5.	Ingat Rukun Iman	X	X	X
6.	Ingat Rukun Islam	X	X	X
7.	Yakin Allah melihat setiap perbuatan kita	X	X	X
8.	Faham cara beriman kepada Allah	-	-	X
9.	Tahu nama-nama Allah	-	X	X
10.	Memahami pendidikan akidah dengan televisyen	X	-	-
11.	Memahami pendidikan akidah dengan tayangan video	X	X	X

Di dalam bidang akidah, beberapa aspek amalan penghayatan juga dilihat oleh pengkaji ke atas murid Islam bagi melihat sendiri penghayatan mereka dalam bidang akidah. Antaranya, mereka dapat menyatakan kepercayaan mereka kepada Allah dengan baik, (M1S1: TB: 2016: 110: 128; M2S1: TB:2016: 122: 98; M3S1: TB: 2016: 99: 92; M1S2: TB: 2016: 96: 102; M2S2: TB: 2016: 90: 97; M3S2: TB: 2016: 85: 89; M1S3: TB: 2016: 86: 98; M2S3: TB:2016: 78: 90; M3S3: TB: 2016: 76: 93). mengetahui sifat-sifat Allah sebanyak 20 sifat dengan baik (M1S1: TB: 2016: 123: 128; M2S1: TB: 2016: 144: 98; M3S1: TB: 2016: 114: 92; M1S2: TB: 2016: 105: 102; M2S2: TB: 2016: 107: 97; M3S2: TB: 2016: 103: 89; M1S3: TB: 2016: 100: 98; M2S3: TB: 2016: 99: 90; M3S3: TB: 2016: 97:93), menerangkan contoh bukti kewujudan Allah dengan sebaiknya mengikut kefahaman dan pembacaan mereka (M2S1: TB: 2016: 122: 98; M3S1: TB: 2016: 108: 92; M1S2: TB: 2016: 97: 102; M2S2: TB: 2016: 98: 97; M3S2: TB: 2016: 85: 89; M1S3: TB: 2016: 100: 98; M2S3: TB: 2016: 88: 90; M3S3: TB: 2016: 89: 93). Sebagai amalan dalam kehidupan, mereka dapat menyatakan tanggungjawab mereka sebagai hamba Allah untuk sentiasa patuh dan taat kepada perintah Allah dan meninggalkan segala larangan Allah. (M1S1: TB: 2016: 118: 128; M2S1: TB: 2016: 122: 98; M3S1: TB: 2016: 99: 92; M1S2: TB: 2016: 96: 102; M3S2: TB: 2016: 95: 89; M1S3: TB: 2016: 91: 98; M2S3: TB: 2016: 79: 90; M3S3: TB: 2016: 91: 93), memahami dan menghafal Rukun Iman dan Rukun Islam dengan baik serta dapat membezakan di antara Rukun Islam sebanyak 5 perkara dan Rukun Iman sebanyak 6 perkara (M1S1: TB: 2016: 110: 119; M1S2: TB: 2016: 99: 102; M2S2: TB: 2016: 90: 97; M3S2: TB: 2016: 89: 89; M1S3: TB: 2016: 88: 98; M2S3: TB: 2016: 78: 90; M3S3: TB: 78: 93; ADS1: 2016: 18: 88; ADS2: 2016: 18: 67; ADS3: 2016: 18: 69). Hasil temu bual bersama guru Pendidikan Islam juga turut menyatakan kebolehan murid ini dalam mengetahui Rukun Islam dan Rukun Iman. “*Biasanya perkara-perkara seperti Rukun Iman dan Rukun Islam...biasanya mereka tahu dan dapat hafal dengan baik....,*”(GPIS2: TB: 2016: 38: 90). Selain itu, murid Islam SJKC juga dapat memahami pendidikan akidah melalui tayangan video (M1S1: TB: 2016: 123: 129; M1S2: TB: 2016: 107: 102; M2S2: TB: 2016: 228: 97; M2S3: TB: 2016: 98: 91), meyakini bahawa Allah melihat setiap perbuatan kita (M2S1: TB: 2016: 124: 98; M2S2: TB: 2016: 92: 97; M1S3: TB: 2016: 90: 98; M2S3: TB: 2016: 92: 91), dan dapat mengetahui nama-nama Allah dengan baik. (M1S2: TB: 2016: 106:102; M2S3: TB: 2016: 97: 93). Namun begitu terdapat dua tema yang tidak menepati pola pada kajian pengkaji iaitu memahami pengajaran akidah melalui televisyen serta kurang pengetahuan mengenai cara beriman kepada Allah.

7.0 MODEL KAJIAN

Model Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Akidah pula terbentuk daripada gabungan sembilan tema yang telah mencapai pola amalan penghayatan murid SJKC di S1-S3 di dalam bidang akidah iaitu percaya kepada Allah (MAPPIBAKD-PKA), mengetahui akan sifat-sifat Allah (MAPPIBAKD-MSA), mengetahui bukti akan kewujudan Allah (MAPPIBAKD-BKA), mematuhi segala perintah Allah (MAPPIBAKD-MPA), mengetahui konsep Rukun Islam (MAPPIBAKD-MRIM) dan mengetahui konsep Rukun Iman (MAPPIBAKD-MRIS), mengetahui nama Allah (MAPPIBAKD-MNA), yakin Allah melihat setiap perbuatan kita (MAPPIBAKD-MAMPK),memahami melalui tayangan video (MAPPIBAKD-MMTV) Rajah 5.2 di bawah menunjukkan dengan ringkas penerangan terhadap amalan penghayatan murid terhadap Pendidikan Islam di dalam bidang asuhan akidah.



Rajah 1: Model Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Akidah (MAPPIBAKD) murid-murid Islam di SJKC.

8.0 PERBINCANGAN

Hasil daripada kajian ini terhadap bidang akidah murid Islam di SJKC mendapati terdapat beberapa amalan penghayatan akidah yang dapat dihayati oleh murid Islam di SJKC. Kesemua murid Islam di SJKC dapat menyatakan kepercayaan kepada Allah dan mengetahui akan sifat-sifat Allah dengan baik, lapan responden pula dapat menyatakan bukti kepada kewujudan Allah, mengenalpasti segala perintah Allah yang perlu dilaksanakan dan meninggalkan segala laranganNya yang perlu dihindari serta tujuh responden pula dapat dapat menjelaskan konsep dan ciri-ciri rukun Iman dan rukun Islam dengan baik. Kajian Munawwar (2009), menyatakan tahap penghayatan akidah di sekolah rendah adalah berbeza dengan tahap penghayatan akidah murid-murid di sekolah menengah. Namun begitu, masih lagi terdapat terdapat lima elemen terhadap penghayatan akidah yang kurang dihayati dalam kehidupan murid-murid Islam di SJKC antaranya meyakini bahawa Allah melihat setiap perbuatan kita, memahami cara beriman kepada Allah, mengetahui akan nama-nama Allah, dan memahami ilmu akidah melalui televisyen dan video. Hal ini perlu dipandang serius kerana pendidikan akidah itu sendiri adalah penting dalam jiwa setiap orang Islam agar mereka benar-benar dapat mempertahankan iman dan agama Islam lebih-lebih lagi pada zaman globalisasi yang penuh dengan cabaran (Mohd Radhi, 2013). Amalan terhadap akidah yang dihayati oleh murid-murid ini perlu diberikan penekanan dan pemantauan dari masa ke semasa agar mereka tetap berada pada landasan yang sebenar sehingga boleh menjadikan sebagai tabiat utama dalam kehidupan mereka sebagai seorang Muslim.

Hal ini berdasarkan kepada Model Penghayatan Akidah Imam Al-Ghazali (2005), menjelaskan bahawa seseorang itu perlu membuat pelaziman dan latihan yang supaya dapat menimbulkan kepatuhan dan tabiat dalam kehidupan mereka dan model ini turut menggariskan beberapa langkah dalam memastikan kanak-kanak mampu menghayati akidah dengan betul dan sahih iaitu dengan menghafal, memahami dan meyakini akan setiap ilmu akidah yang telah dipelajari. Menurut Norazani (2011), dalam memastikan pegangan akidah yang dihayati itu benar-benar kukuh dan berpadu di dalam hati, ianya bergantung kepada keutuhan akidah. Maka setiap murid Islam di sekolah khususnya hendaklah sentiasa dipantau dan dipandu dalam melaksanakan amalan dan kewajipan yang sepatutnya menjadi pegangan dalam kehidupan. Penghayatan terhadap akidah itu merupakan suatu proses seseorang untuk menghayati dan berpegang teguh dengan isi kandungan akidah dengan penuh kefahaman, keyakinan, penyerahan diri, meresap ke dalam hati dan perasaan, diikuti dengan amal perbuatan dan tingkah laku yang selari dengan tuntutan Iman. Menurut Rosadah (2012), penghayatan terhadap nilai-nilai yang terkandung dalam nama-nama Allah S.W.T yang indah tersebut berperanan dalam pembinaan integriti dalam diri manusia.

9.0 RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Ahmad Munawar Ismail. (2009). Pengaruh akidah terhadap penghayatan akhlak pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. Tesis Ph.D. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhamad ibn Muhamad. 2005. *Ihya 'ulum al-din*. Kaherah: Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiah.

Ataillah, Al-Sakandari. (2002). *Hikam: The Wisdom*: Zahra Publications.

Azhar Ahmad. (2006). *Strategi pembelajaran pengaturan sendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah*. Tesis Ph.D. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.

Azma Mahmood. (2006). Pengukuran tahap penghayatan pendidikan Islam pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. Tesis Ph.D. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.

Hazman Hassan. (2011). Pengaruh satanisme dalam fenomena metal di Malaysia: analisa dari perspektif akidah Islam. Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, UM.

Hamka. (2003). *Kesepaduan iman dan amal soleh*. Shah Alam: Pustaka Dini.

Hamzah, Ya'qub. (2000). *Tingkat ketenangan dan kebahagiaan mukmin*. Singapura: Pustaka.

Ismail, Muhamad. (2004). *Pendidikan Akidah Islam*. Petaling Jaya: Hasrat Murni.

Kamus Dewan (2010). Edisi Keempat: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

Kementerian, P. M. (2011). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam

Kementerian, P. M. (2014). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahun Lima*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam

Mansor, Abd Kadir. (2007). Penghayatan Islam Dalam Beberapa Aspek. *Pendidikan Islam*, 2(11), 12-19.

Mohd. Arip Kasmu. (2000). Pemantapan akidah menerusi penghayatan sains dalam al-Quran. Tesis Ph.D. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.

Mohd Radhi, Ibrahim. (2013). *Akidah dan pembangunan tamadun*. Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia, 2013.

Norazani Ahmad, (2011). Pendidikan Islam dan Pembentukan Identiti Pelajar, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

Ramli, Awang. (2013). *Akidah penghayatan tauhid al-Quran*. Skudai, : UTM

Rosadah A.M. (2007). Penghayatan Islam Dalam Kalangan Pelajar. *Islamic Education*, 21(2).

Sabiq, Sayyid. (2003). *Al-'Aqa'id al-Islamiyyah*. Kaherah: al-Fath li al-'Ilm al-'Arabi.

Wan Noor Afizatul Liza Wan Othman. 2003. Black metal: keruntuhan akhlak di kalangan remaja Islam. Tesis Sarjana. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Yahya Ibrahim. (2004). Etiologi masalah sosial: Kajian terhadap remaja di Sungai Petani, Kedah. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia*. 2004. 20: 47-66.

Yasin, Mohamad Na'im. (1987). *Al-Iman, arkanu wa haqiqatuhu wa nawaqiduhu*. Kuwait: Maktabah al-Falah.